

Candat sotong masuk kalendar

HM 05/07/24 M/S 19

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Marang

Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (Motac) bersetuju memasukkan pesta mencandat sotong dalam kalendar pelancongan tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Datuk Razali Idris berkata, Motac juga bersetuju mempromosikan pesta mencandat sotong yang diadakan setiap tahun bermula daripada April hingga Oktober ke seluruh negara.

Katanya, pesta mencandat sotong dilihat mampu menarik penyertaan daripada peserta di seluruh negara termasuk Sabah Sarawak dan negara ter-

“Pesta mencandat sotong dilihat mampu menarik penyertaan daripada peserta di seluruh negara termasuk Sabah Sarawak serta Singapura, Thailand, Brunei dan Indonesia”

Razali Idris

dekat iaitu Singapura, Thailand, Brunei serta Indonesia.

“Motac bersetuju untuk memasukkan pesta mencandat sotong sebagai program pelancongan utama negara.

“Pesta mencandat sotong dan pertandingan pelita raya dipersetujui Motac untuk dimasukkan dalam aktiviti pelancongan negara dan diumumkan Timbalan Menterinya, Khairul Firdaus Akhbar Khan pada persidangan Parlimen Mac lalu,” katanya.

Terdahulu, Razali yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Kijal mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri merasmikan pelancaran Program Candat Sotong 2024, di Jeti Pelancongan Marang di sini, kelmarin.

Turut hadir adalah Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Sulaiman Sulong dan Pengarah Jabatan Pelancongan negeri, Ahmad Ridzwan Abd Rahman.

Program Candat Sotong 2024 diadakan serentak di peringkat daerah Kemaman, Besut, Setiu, Kuala Nerus, Dungun, Marang dan Kemaman membabitkan penyertaan seramai 232 orang.